

Tiada notifikasi cacar monyet di Malaysia

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi - Mei 24, 2022 @ 10:40pm
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan (KKM) belum menerima notifikasi berkenaan kes membabitkan individu yang dijangkiti virus cacar monyet (monkeypox), di negara ini.

Dalam satu kenyataan, KKM berkata, ini termasuk kes membabitkan kanak-kanak yang didakwa dijangkiti virus cacar monyet seperti dalam mesej berserta gambar yang ditularkan dalam media sosial.

"Sekiranya gambar itu benar, waris kepada kanak-kanak berkenaan dinasihat untuk membawanya ke fasiliti kesihatan kerajaan berdekatan dengan segera untuk menjalani pemeriksaan dan mendapatkan rawatan," katanya menerusi entri di Facebook hari ini.

Orang ramai pula, katanya, dinasihat tidak menularkan berita yang tidak diketahui kesahihannya, sebaliknya menasihati pesakit atau waris yang didakwa dijangkiti itu untuk mendapatkan nasihat perubatan terlebih dahulu, jika berkaitan penyakit atau masalah kesihatan lain.

Satu gambar kanak-kanak tular di media sosial hari ini yang dikaitkan kononnya kes dijangkiti virus cacar monyet di negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah sebelum ini menjelaskan, risiko virus cacar monyet tersebar ke Malaysia adalah rendah, kecuali jika seseorang individu itu ada sejarah bersentuhan dengan haiwan dijangkiti atau kontak langsung dengan pesakitnya.

Beliau berkata, kemungkinan transmisi jangkitan virus itu dari manusia ke manusia adalah terhad.

Media melaporkan wabak cacar monyet direkod di beberapa negara benua Eropah seperti United Kingdom (UK), Sepanyol, Portugal, Belgium, Perancis, Itali dan Jerman, selain Amerika Syarikat (AS), Kanada serta Australia.

Setakat semalam, lebih 100 kes dilaporkan sama ada yang disahkan mahupun disyaki, kebanyakannya jangkitan tidak melaporkan sejarah perjalanan ke negara yang diketahui endemik penyakit itu.

Laporan awal menyatakan sebahagian kes terbabit mendapat jangkitan melalui kontak langsung dengan pesakit cacar monyet.

 **KKMalaysia**   
@KKMPutrajaya

Sehingga 24 Mei 2022 jam 5.00 petang, KKM tidak menerima sebarang notifikasi berkenaan kes yang dijangkiti virus monkeypox atau kes kanak-kanak yang dikatakan dijangkiti virus monkeypox seperti dalam mesej berserta gambar yang ditularkan dalam media sosial.



His my mom's friend punya anak buah.. dia kena monkey pox.. monkey pox dah masuk malaysia.. so hati2 bawa anak2 keluar.. please balik rumah terus mandi.. take care of yourself and kids.. tak abis dgn hfmd, now monkey pox pulakk.. pastu berita tk keluarkan pun.. dasar malaysia betul.. nnti kes dah beratus baru nk masuk berita..

 Reply

8:11 PM · May 24, 2022